



**SKIM LANTIKAN PEGAWAI PENYELIDIK (RO) & PEMBANTU PENYELIDIK (RA)  
SAMBILAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

1. Skim Lantikan RA/RO telah diwujudkan pada tahun 2013.
2. Garis panduan Edisi 2 Pindaan 2023 telah dikemaskini dan diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bil. 1/2023 (Kali ke-68) yang bersidang pada 19 Mac 2023. Antara perkara yang telah dikemaskini di dalam garis panduan sebelum ini adalah kadar elaun makan, hotel dan lojing dalam menjalankan kerja lapangan atau tugas rasmi penyelidikan.
3. Garis Panduan Edisi 3 Pindaan 2025 ini telah dikemaskini dan diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bil. 1/2025 (Kali ke-83) yang bersidang pada 17 Januari 2025. Pindaan adalah melibatkan penetapan gaji berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

## **SENARAI KANDUNGAN**

1. Takrifan
2. Taraf dan Tempoh Lantikan
3. Syarat Lantikan
4. Tugas dan Kewajipan
5. Gaji/Upah
6. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO
7. Rekod Kehadiran
8. Cuti
9. Kemudahan Perubatan
10. Bayaran Gaji
11. Tuntutan Perjalanan
12. Pelanjutan Tempoh RO/RA
13. Penamatan Pelantikan
14. Tatatertib
15. Hak Universiti

## **1. Takrifan**

- 1.1 Pembantu Penyelidik (RA) merujuk kepada individu yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya SPM yang dilantik secara rasmi bagi membantu dalam projek penyelidikan seperti membantu dalam menjalankan penyelidikan, pencarian maklumat penyelidikan, tinjauan literatur, pengumpulan data, mengurus peralatan penyelidikan dan urusan-urusan lain yang berkaitan dengan penyelidikan.
- 1.2 Pegawai Penyelidik (RO) merujuk kepada individu yang mempunyai kelayakan minimum Ijazah Sarjana Muda yang dilantik secara rasmi dalam projek penyelidikan seperti membantu dalam menjalankan penyelidikan, pencarian maklumat penyelidikan, tinjauan literatur, pengumpulan data, mengurus peralatan penyelidikan dan urusan-urusan lain yang berkaitan dengan penyelidikan.

## **2. Taraf dan Tempoh Lantikan**

- 2.1 Jawatan yang ditawarkan adalah bertaraf Sambilan.
- 2.2 Tempoh minima pelantikan secara sambilan adalah selama 3 bulan dan maksima 12 bulan.
- 2.3 Penyambungan perkhidmatan selepas setahun boleh dilakukan bergantung kepada keperluan dan baki peruntukan.

## **3. Syarat Lantikan**

- 3.1 Warganegara Malaysia atau Bukan Warganegara (tertakluk kepada kebenaran pas atau visa dari Jabatan Imigresen Malaysia).
- 3.2 Syarat minimum bagi lantikan Pembantu Penyelidik adalah mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala bagi Pegawai Penyelidik adalah mempunyai Ijazah Sarjana Muda.
- 3.3 Calon adalah **bukan dari kalangan ahli keluarga terdekat dengan Ketua Projek dan ahli penyelidik yang lain.**
- 3.4 Mahir dan boleh berkomunikasi dan memahami Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dengan baik.
- 3.5 Calon yang dipilih hendaklah diperakui sihat oleh Ketua Projek (tidak memerlukan pengesahan oleh pengamal perubatan berdaftar).
- 3.6 Calon tidak pernah disabitkan kesalahan jenayah atau aktiviti penyalahgunaan dadah.

#### 4. Tugas dan Kewajipan

- 4.1 Membantu dalam kerja penyelidikan berkaitan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Projek.
- 4.2 Bertanggungjawab kepada Ketua Projek.
- 4.3 Menjaga **KERAHSIAAN** penyelidikan.
- 4.4 RO/RA **tidak dibenarkan** melakukan perkara berikut:-
- a) Menyediakan laporan keseluruhan penyelidikan tanpa persetujuan Ketua Projek;
  - b) Mendedahkan sebarang maklumat tentang responden;
  - c) Menjalankan kerja-kerja lapangan seperti temubual, soal-selidik secara bersendirian tanpa persetujuan Ketua Projek;
  - d) Menjadi pembantu penyelidik melebihi satu (1) projek penyelidikan secara serentak;
  - e) Membentangkan hasil penyelidikan tanpa persetujuan Ketua Projek;
  - f) Menuntut kajian yang dijalankan sebagai hak cipta peribadi.

#### 5. Gaji/Upah

- 5.1 RO/RA yang dilantik secara sambilan akan dibayar gaji secara bulanan berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
- 5.2 Kadar gaji yang ditetapkan adalah seperti jadual berikut:

| NO | JAWATAN                     | KELAYAKAN<br>AKADEMIK             | KADAR GAJI                                                                                                                              |
|----|-----------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                             |                                   | Sambilan<br>(maksimum 12 bulan)                                                                                                         |
| 1  | Pembantu<br>Penyelidik (RA) | Sijil Pelajaran<br>Malaysia (SPM) | Kadar Elaun : RM1,500.00<br>Caruman KWSP Majikan: RM195.00<br>Caruman PERKESO Majikan :RM27.15<br><b>Jumlah Keseluruhan: RM1,722.15</b> |
| 2  | Pegawai<br>Penyelidik (RO)  | Ijazah Sarjana<br>Muda            | Kadar Elaun : RM2,580.00<br>Caruman KWSP Majikan: RM336.00<br>Caruman PERKESO Majikan :RM44.65<br><b>Jumlah Keseluruhan: RM2,960.65</b> |

|  |  |                          |                                                                                                                                         |
|--|--|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  |  | Ijazah Sarjana           | Kadar Elaun : RM3,020.00<br>Caruman KWSP Majikan: RM393.00<br>Caruman PERKESO Majikan :RM53.35<br><b>Jumlah Keseluruhan: RM3,466.35</b> |
|  |  | Doktor Falsafah<br>(PhD) | Kadar Elaun : RM3,350.00<br>Caruman KWSP Majikan: RM437.00<br>Caruman PERKESO Majikan :RM58.65<br><b>Jumlah Keseluruhan: RM3,845.65</b> |

- 5.3 Walau bagaimanapun, sekiranya kadar yang ingin dibayar melebihi daripada kadar yang ditetapkan, penyelidik hendaklah mendapat persetujuan daripada pemberi dana dan dinyatakan secara jelas di dalam kertas cadangan asal (*proposal*).

## 6. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO

- 6.1 Gaji yang diterima oleh RO/RA adalah tertakluk kepada caruman pekerja iaitu KWSP dan PERKESO mengikut kadar yang ditetapkan.
- 6.2 Caruman majikan KWSP dan PERKESO untuk RO/RA yang dilantik adalah menggunakan peruntukan daripada geran penyelidikan.

## 7. Rekod Kehadiran

- 7.1 Waktu bekerja rasmi RO/RA adalah antara 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Walau bagaimanapun, waktu kerja boleh ditetapkan oleh Ketua Projek mengikut keperluan penyelidikan.
- 7.2 RO/RA perlu merekodkan waktu kedatangan setiap hari mengikut waktu bekerja yang ditetapkan oleh Ketua Projek menggunakan kad perakam / log book. RO/RA hendaklah menanda kad perakam / buku log dan disahkan oleh Ketua Projek sekiranya diperlukan untuk melakukan kerja-kerja luar.
- 7.3 RO/RA perlu memberi justifikasi kepada Ketua Projek untuk semua ketidakhadiran.

## 8. Cuti

- 8.1 RO/RA yang dilantik secara sambilan tidak layak untuk cuti rehat / cuti sakit. Namun, Ketua Penyelidik boleh memberi pertimbangan untuk cuti ihsan.

## 9. Kemudahan Perubatan

- 9.1 RO/RA yang dilantik secara sambilan tidak layak untuk diberi kemudahan perubatan.

## 10. Bayaran Gaji

- 10.1 Semua bayaran gaji RO/RA akan diproses oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari.
- 10.2 Setiap permohonan bayaran gaji RO/RA hendaklah disertakan dengan Kad Perakam Waktu / buku log bagi bulan berkenaan yang disahkan oleh Ketua Projek dan **dihantar ke RMD pada atau sebelum 3hb. bulan berikutnya.**

## 11. Tuntutan Perjalanan

- 11.1 Seseorang RO/RA sambilan yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi atau aktiviti berkaitan adalah layak mendapat tuntutan berdasarkan kadar berikut:-

| Butiran                                                                      | Kadar Tuntutan (RM)<br>RA              | Kadar Tuntutan (RM)<br>RO              |
|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|----------------------------------------|
| Elaun Makan                                                                  | 40.00 sehari                           | 45.00 sehari                           |
| Elaun Hotel (dengan resit)                                                   | 130.00 sehari                          | 160.00 sehari                          |
| Elaun Lojing                                                                 | 40.00 sehari                           | 55.00 sehari                           |
| Kos Pengangkutan (Perbatuan)                                                 | 0.30 per km                            | 0.30 per km                            |
| Elaun harian (Jika bertugas luar melebihi 8 jam sehari tetapi kurang 24 jam) | Separuh daripada kelayakan elaun makan | Separuh daripada kelayakan elaun makan |

- 11.2 Perjalanan tersebut mesti mendapat kelulusan Ketua Projek dan dikemukakan ke pejabat Bendahari melalui RMD dengan menggunakan Borang Tuntutan Elaun Perjalanan.
- 11.3 RA dan RO dibenarkan untuk menaiki kapal terbang (tambang kapal terbang termurah) bagi **perjalanan ke Sabah dan Sarawak sahaja** untuk tujuan menjalankan kerja lapangan, menghadiri persidangan dan seminar. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan dan lain-lain. Perjalanan ke luar negara adalah bergantung kepada syarat geran yang diperolehi dan kecukupan baki peruntukan.

- 11.4 Ketua penyelidik perlu memastikan baki peruntukan di dalam vot perjalanan (21000) adalah mencukupi sebelum tempahan dibuat. Pembelian tiket boleh dibuat selepas mendapat kelulusan ketua projek dan RA/RO boleh membuat tuntutan mendahulukan wang sendiri bagi pembelian tiket kapal terbang dan pembelian tiket tambang awam yang lain.

## **12. Pelanjutan Tempoh RO/RA**

- 12.1 Permohonan pelanjutan tempoh RO/RA perlulah mendapat sokongan daripada Ketua Projek/ Timbalan Dekan (Penyelidikan, Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar) Fakulti dan kelulusan daripada Pengarah, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD).
- 12.2 Permohonan perlanjutan tempoh RO/RA perlu dikemukakan kepada RMD satu (1) bulan sebelum tamat kontrak dengan menggunakan Borang Permohonan/Pelanjutan RO/RA beserta Laporan Prestasi terkini bagi projek penyelidikan yang sedang dijalankan.

## **13. Penamatan Pelantikan**

- 13.1 Pihak Universiti berhak menamatkan perkhidmatan RO/RA yang dilantik tanpa memberi sebarang sebab pada bila-bila masa dengan memberi tiga puluh (30) hari notis atau dibayar sebulan gaji sebagai ganti notis.
- 13.2 RO/RA boleh meletakkan jawatan selepas memberi tiga puluh (30) hari notis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis. Notis bertulis perlu dibuat kepada Pengarah, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) melalui sokongan Ketua Projek.
- 13.3 Pihak Universiti juga pada bila-bila masa berhak menamatkan perkhidmatan RO/RA yang dilantik atau mengambil apa-apa tindakan lain mengikut peraturan yang berkuatkuasa sekiranya RO/RA tersebut didapati melanggar peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa.
- 13.4 Ketua Projek perlu memaklumkan dengan kadar segera kepada RMD mengenai pemberhentian seseorang RO/RA.

## **14. Tatatertib**

- 14.1 RO/RA adalah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan segala Akta, Peraturan-Peraturan, Statut dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti dan kepada Arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa.

## **15. Hak Universiti**

- 15.1 Penemuan oleh RO/RA semasa berkhidmat dengan Universiti adalah Harta Intelek dan hak tunggal Universiti.
- 15.2 Pencipta kepada Harta Intelek adalah tertakluk di bawah Status Harta Intelek Universiti dan mereka berhak kepada bahagian mereka menurut ekuiti yang dikongsi dengan Universiti. Apa-apa pendapatan yang terbit hasil dari eksploitasi harta itu oleh RO/RA hendaklah diserahkan kepada Universiti sebagai Harta Intelek tersebut.
- 15.3 Walau apapun peruntukan dalam peraturan ini, pihak Universiti adalah berhak untuk meminda atau menambah peraturan di atas pada bila-bila masa sahaja dan RO/RA yang dilantik adalah tertakluk kepada pindaan tersebut.